



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

KHAMIS, 13 JANUARI 2022	
1	Boikot ayam boleh lumpuh industri
2	Pembangunan peranti kesan DNA babi dalam makanan
3	Lebih 10,000 ayam mati terbakar

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

Boikot ayam boleh lumpuh industri

MUKADIMAH

ISU harga ayam tidak akan selesai selagi tidak ada satu tindakan proaktif daripada kerajaan sendiri dengan kerjasama penternak dan pengguna.

Bermula Februari ini, harga siling ayam dijangka meningkat 20 hingga 30 sen seekor. Harga siling telur ayam juga dijangka meningkat empat sen sebiju.

Ini disebabkan Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) bagi harga siling ayam menyebabkan kerugian kepada golongan penternak termasuk pemborong dan peruncit.

Sebelum ini, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi dilaporkan berkata, rakyat diminta bersedia dan perlu memahami kenaikan semula harga ayam melebihi RM9.10 sekilogram selepas SHMKM berakhir 4 Februari nanti.

Bagi mengulas isu tersebut, wartawan Utusan Melayu, **MOHAMAD SHOFI MAT ISA** menemui bual Presiden Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM),

DATUK MOHD. FIRDAUS ABDULLAH di Kuantan, Pahang, baru-baru ini.



UTUSAN: Tindakan boikot ayam, mampukah kawal harga pada masa depan?

MOHD. FIRDAUS:

Pengguna di negara ini makan purata lebih daripada dua juta ekor ayam sehari dan lebih tiga juta telur ayam sehari. Industri ternakan ayam merupakan satu industri terbesar di negara kita untuk menampung keperluan bekalan ayam. Apabila penternak, pemborong, pengedar dan peruncit menaikkan harga barang sesuka hati mereka untuk mendapat untung besar, maka pengguna perlu menggunakan kuasa mereka di mana permintaan yang tinggi di pasaran sentiasa mendorong kepada kenaikan harga.

Boikot ayam oleh pengguna boleh menggugat dan melumpuhkan industri ayam. Untuk itu, sudah pasti penternak, pemborong, pengedar dan peruncit akan menurunkan harga dan menjual dengan kadar harga berpuhutan tanpa mengaut keuntungan melampau bagi mengelak daripada kerugian dan lumpuhnya industri mereka.

Boikot ayam juga dapat memperbaiki indeks kesihatan rakyat Malaysia yang menduduki tempat pertama di Asia Tenggara bagi obesiti. Pengambilan makanan berasaskan ayam

“Kerajaan perlu tampil dengan satu langkah dalam industri pertanian di mana jagung untuk makanan ayam perlu dikeluarkan sendiri.”

dalam kuantiti berlebihan menyebabkan masalah obesiti dan kolesterol kepada pengguna. Melalui boikot ayam dan mengurangkan pengambilan ayam boleh menjaga kesihatan pengguna itu sendiri.

Langkah untuk mengelak penternak atau pemborong menaikkan harga?

Apabila pengguna memboikot ayam, ini secara tidak langsung boleh menyebabkan terjadinya lambakan di pasaran dan akan memaksa penternak, pemborong, pengedar dan peruncit menurunkan harga ayam di pasaran daripada mengalami kerugian berterusan. Industri ayam

terdiri daripada penternak, pemborong, pengedar atau orang tengah dan peruncit. Sistem rangkaian ini perlu dikesalkan supaya peluang pekerjaan bagi rakyat tidak terjejas.

Dedak ayam import menyebabkan harga ayam naik. Tidak bolehkah kita hasilkan dedak sendiri?

Kenaikan dedak ayam import adalah kerana pertukaran mata wang ringgit (RM) dan dolar Amerika Syarikat serta kos pengangkutan kapal, cukai dan faktor-faktor lain. Negara kita seharusnya menceburi bidang penanaman bahan mentah seperti jagung secara berkala besar untuk menampung keperluan ternakan ayam. Ini bersesuaian dengan keadaan negara yang mana rata-rata memerlukan lebih dua juta ayam sehari dan sudah tentu kegunaan ini akan meningkat seiring waktu.

Kerajaan perlu tampil dengan satu langkah dalam industri pertanian di mana jagung untuk makanan ayam perlu dikeluarkan sendiri bagi kegunaan dalam negara. Pada masa sama, pihak jabatan dan kementerian berkenaan perlu melakukan kaji selidik tentang penggunaan dedak isirung sawit memandangkan Malaysia adalah pengeksport utama dunia. Kerajaan juga perlu tampil dengan pelan

tindakan jangka panjang bagi pengeluaran makanan ternakan bukan sahaja ayam tetapi merangkumi kambing, lembu, ikan dan lain lain.

Dalam isu harga ayam ini, siapa harus dipersalahkan sebenarnya?

Bagi saya, kedua-dua pihak iaitu pengusaha dan pengguna perlu dipersalahkan kerana pengusaha lebih berorientasikan keuntungan tanpa mengambil peduli kebajikan pengguna dan tanggungjawab korporat mereka. Bagi pengguna sendiri, mereka tidak peka akan keadaan sekeliling dan tidak menggunakan kuasa mereka sebagai pengguna di mana mereka tidak bertindak secara bijak ketika berlaku kenaikan harga ayam dan pada masa sama, tidak mengambil berat isu kesihatan diri sendiri.

Pengambilan ayam dan makanan proses ayam seperti daging burger, sosej, nugget dan yang paling popular, sate dan kepak madu menyebabkan pengguna bertindak mengikut nafsu semasa membeli. Jika pengguna merancang dan menurunkan pengambilan makanan berasaskan ayam dan pada masa sama memboikot, harga ayam akan turun dengan sendiri mengikut permintaan di pasaran.

Bolehkah isu harga ayam ini selesai? Atau akan terus berlaku?

Kerajaan boleh membawa idea-idea baharu melalui Kementerian atau jabatan kerajaan yang berkaitan dengan industri ayam di mana boleh diperkenalkan pelbagai insentif baharu kepada penternak ayam. Kerajaan juga boleh mewujudkan syarikat milik kerajaan untuk melabur dalam industri tanaman bahan mentah seperti jagung dan ubi kayu bagi ternakan ayam. Pada masa sama boleh mengimport dedak dan bekalkan dengan harga yang murah kepada penternak untuk menghasilkan ayam berkualiti dan murah pada masa hadapan.

Pada masa sama juga, kerajaan boleh melancarkan kempen pelihara ayam dalam kalangan rakyat di tempat-tempat bersewuain seperti kawasan luar bandar, kelompok komuniti untuk memelihara ayam kampung, ayam daging. Kerajaan juga boleh memberi pelbagai subsidi dan insentif berupa anak ayam dan sebagainya. Apabila orang ramai sudah mula berminat untuk memelihara ayam sendiri dan mampu menghasilkan hasil secara sendiri, sudah tentu keberangan-tangan terhadap ayam daging di pasaran akan menurun dan ini akan menstabilkan harga ayam di pasaran.



PARA penyelidik kini rancang menjalankan penyelidikan sebelum peranti kit halal dapat dihasilkan. - FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

BEGINILAH rupa filem nipis pengesanan atau biosensor yang berjaya dihasilkan penyelidik UM.

Pembangunan peranti kesan DNA babi dalam makanan



Rencana Utama

Oleh
FARID AHMAD TARMAJI


BAGI umat Islam mencari makanan yang halal adalah satu kewajipan. Malah di dalam Al-Quran, Allah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 168 yang bermaksud: "Wahai manusia! Makanlah daripada makanan yang halal dan baik yang terdapat di Bumi dan janganlah kamu mengikuti langkah-langkah syaitan. Sesungguhnya, syaitan itu musuh yang nyata bagimu."

Oleh itu, sebagai umat Islam, kita harus peka dalam mencari makanan yang halal, *tayyiban* dan terpelihara daripada unsur haram.

Pun begitu, dalam kepelbagaian makanan hari ini, kadangkala tanpa disedari produk makanan yang kita ambil mengandungi asid deoksiribonukleik (DNA) babi.

Menyedari akan permasalahan ini, satu pasukan penyelidik dari Universiti Malaya (UM) telah mengambil inisiatif untuk membangunkan peranti kit bagi mengesan status halal menggunakan teknologi nano berasaskan templat DNA di bawah pembiayaan Geran Universiti Malaya berimpak tinggi bernombor IIRG002-19SAH.

Ketua Penyelidik, Prof. Madya Dr. Nor Kartini Abu Bakar berkata, cetusan idea untuk menghasilkan peranti tersebut bermula apabila melihat terdapat



DATA yang menunjukkan kehadiran DNA babi dapat dilihat pada komputer dalam proses penyelidikan ini.

kekangan dari segi analisis halal secara mesra pengguna.

Menurutnya, analisis halal yang standard dijalankan di dalam makmal menggunakan kaedah tindak balas kimia yang dikenali sebagai *polymerase chain reaction* (PCR).

Kaedah ini sangat berkesan dalam mengesan status halal.

"Bagaimanapun, kaedah itu selama ini hanya boleh dijalankan di dalam makmal dan tidak dapat dilakukan oleh pengguna biasa. Justeru, bagi memenuhi permintaan pengguna mengesan status halal secara terus dan *real time*, penghasilan kit halal adalah

penyelesaiannya.

"Atas sebab itu kami mengambil alternatif membangunkan kit halal untuk tujuan itu. Kit halal ini boleh memberikan keputusan saringan awal terhadap kehadiran DNA babi dalam produk makanan," katanya yang bertugas di Jabatan Kimia, Fakulti Sains UM kepada K2.

Bagaimanapun, katanya, kit halal ini masih dalam proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta sudah 70 peratus siap untuk fasa pertama.

Untuk lebih mudah difahami, peranti kit halal yang bakal disiapkan itu boleh digambarkan seperti kit ujian sendiri

Covid-19 yang membolehkan kita melakukan ujian pengesanan sendiri.

Mekanisme penggunaan peranti kit itu dalam mengesan DNA babi juga hanya akan dapat diperincikan kemudian setelah kit tersebut disiapkan.

Kongsi Nor Kartini, bagi fasa pertama, pasukan penyelidik telah berjaya membangunkan filem nipis pengesanan DNA atau dikenali sebagai biosensor yang menjadi asas penghasilan kit halal itu.

"Kemudian untuk fasa seterusnya kita akan bangunkan kit halal yang lengkap dan digunakan serta sesuai dibawa ke mana-mana pada bila-bila masa," jelas Nor Kartini.

Berbicara tentang penyelidikan pembangunan peranti itu, Nor Kartini berkata, ia dimulakan sejak November 2019 dan melibatkan penyelidik dari empat fakulti di UM iaitu Sains, Kejuruteraan, Perniagaan & Ekonomi serta Akademi Pengajian Islam.

"Kerjasama keempat-empat fakulti ini penting bagi membolehkan kit halal ini dikomersialkan apabila siap sepenuhnya nanti. Pembangunan kit halal ini kelak akan memperkukuh lagi pembangunan industri halal negara," katanya.

Sebagaimana sedia maklum, masalah status halal sesuatu produk makanan sering menjadi isu hangat yang diperdebatkan. Hal ini sedikit sebanyak telah memberikan keraguan kepada pengguna.

Namun, dengan adanya inisiatif untuk membangunkan kit halal mengesan DNA babi ini, sedikit sebanyak akan memberi penyelesaian kepada masalah ini.

Pengguna boleh membawanya bersama ke mana-mana untuk digunakan ketika berlaku keadaan ragu-ragu terhadap status makanan.

Lebih 10,000 ayam mati terbakar

Bau: Lebih 10,000 ayam mati dalam kebakaran di ladang ternakan ayam Zhang Agriculture Development Sdn Bhd di Jalan Bau-Kuching, di sini, awal pagi semalam.

Penolong Pengarah Operasi, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak, Henderi Ardiansyah, berkata pihaknya menerima panggilan berhubung kebakaran ladang ternak itu pada jam 3.40 pagi.

Sepasukan lapan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bau dikejarkan ke lokasi kejadian sebaik sahaja menerima

panggilan itu.

"Setiba di tempat kejadian, didapati api sudah merebak di keseluruhan struktur reban.

"Kebakaran itu dapat dikawal pada jam 4.30 pagi dan operasi tamat pada jam 6 pagi," katanya dalam kenyataan, semalam.

Henderi berkata, punca kebakaran dan jumlah kerugian akibat kejadian itu masih dalam siasatan.

Menurutnya, berdasarkan maklumat pengusaha ladang ternakan itu, dianggarkan lebih 10,000 ayam mati terbakar dalam kejadian itu.



Kebakaran di ladang ternakan ayam Zhang Agriculture Development Sdn Bhd di Jalan Bau-Kuching, Bau, awal pagi semalam. (Foto ihsan JBPM)